

**AIDILFITRI@UniMAP**  
**&**  
**International Food Festival**

Teks Ucapan

**Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin**

**Naib Canselor**

Universiti Malaysia Perlis

Pada 13 Ogos 2014 (Rabu) di Boulevard Kampus Uniciti, Sungai Chuchuh,  
Padang Besar.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

**Salam Perlis, 'Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis  
Maju'**

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI DI RAJA**

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Tuanku Canselor UniMAP serta Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun,

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir ke **Majlis Sambutan Aidilfitri@UniMAP dan International Food Festival 2014** pada malam ini.

Sesungguhnya keberangkatan Duli Tuanku pada malam ini memberi seribu kemeriahan kepada patik sekalian yang hadir pada malam yang sungguh berbahagia ini. Justeru tiada kata-kata yang dapat dinyatakan untuk menggambarkan betapa bersyukur dan gembiranya patik-patik sekalian menyambut keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua pada malam ini. Semoga Duli-duli Tuanku terus diberi nikmat kesihatan yang baik, dipanjangkan umur serta sentiasa berada dibawah lindungan Allah S.W.T. InsyaAllah.

Ampun Tuanku,

Izinkan patik untuk menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir pada majlis ini.

### **SALUTASI**

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Azlan bin Man, Menteri Besar Perlis dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri

**Yang Berhormat Tuan Haji Hamdan Bahari**, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis Dan Y.Bhg. Isteri

**Yang Berhormat Tuan Romli bin Da'i**

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Dan Y.Bhg. Isteri

Ahli – Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Dan Ahli – Ahli Yang Berhormat

Yang Berbahagia Dato' Yusof Jusoh, Pengerusi Eksekutif Proven Group of Companies

Dif-dif Kehormat,

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-wakil media

Pensyarah dan peserta Asia Summer Program 2014

Seterusnya para pelajar dan penduduk Parlimen Padang Besar yang dirahmati Allah Sekalian.

Selamat Petang, Wang Shang Hao, Maalai Vaanakkam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

### **KATA ALU-ALUAN**

1. With Bismillah Hirrahman Nirrahim, I would like to thank Allah S.W.T for his grace and blessings that has enabled us to gather here for **Aidilfitri@UniMAP**. On behalf of UniMAP, I would like to express my heartfelt appreciation to the entire guests for your presence and participation here today. A warm “Selamat Datang” I bid to all of you. And I hope it’s not too late to wish you **Selamat Hari Raya and Maaf Zahir Batin**.
2. This is a great opportunity for us to come together, to meet each other. The **open house** or **rumah terbuka as we call it in Malay** is a unique and peculiar Malaysian tradition. The tradition of holding open houses during Aidilfitri promotes among other things good neighborliness, racial harmony and understanding of different cultural and ethnicity of Malaysia.
3. The significance of **open house an open heart means that all are welcome irrespective of race, religion and beliefs**. I cannot see this happening anywhere in the world, but in Malaysia for now, it is a culture that is going strong. I hope it will remain that way **because a country that eats together pretty much stays together**. This is one tradition that is **not only hard to beat but even harder to let go**.
4. For your information, together with us tonight there are students from Asia Universities who being here for Asia Summer Program 2014. They will be in Malaysia particularly in UniMAP for three weeks with various interesting activities line up for them. The Asia Summer Program involves collaboration between institutions of higher learning across Asia. Its main purpose is primarily to provide Asia’s future leaders with a strong understanding of Asian perspectives, and for them to experience cultural differences inside and outside of the classroom. A holistic leaders required by the industry nationally and internationally.

5. Besides having 'rumah terbuka' with Malaysian traditional foods, we will also serve the International Cuisine prepared by our international students and ASP 2014 students. I really hope that everyone will enjoy UniMAP open house with the diverse food and culture. Enjoy yourself. Thank you.

**Hadirin sekalian,**

**INTERNATIONAL FOOD FESTIVAL**

6. Saban tahun, kita akan mengadakan International Food Festival yang melibatkan pelajar antarabangsa kita. Apa yang menarik pada kali ini adalah program ini digabungkan sekali dengan sambutan Aidilfitri peringkat UniMAP. Malah International Food Festival pada kali ini lebih istimewa kerana melibatkan penyertaan pelajar dari Negara Asia yang datang ke UniMAP untuk menyertai Asia Summer Program.
7. Saya mendapat maklumat bahawa pada malam ini kita berpeluang untuk menikmati masakan antarabangsa dari 19 negara. Bagi peserta ASP, Negara yang terlibat adalah Uzbekistan, Korea, Jepun, German, Filipina, China dan Turki. Manakala pelajar antarabangsa UniMAP yang terlibat adalah wakil dari Negara Pakistan, Bangladesh, Indonesia, Thailand, Myanmar, Iraq, Yemen, Libya, Syria, Mesir, Nigeria dan Jordan. 19 negara dan 19 masakan.
8. Oleh itu, saya mengharapkan agar kita dapat bersama-sama menikmati juadah yang pelajar antarabangsa kita sediakan ini. walaupun ada Negara yang tidak dapat kita kunjungi tetapi dengan adanya UniMAP, Negara-negara tersebut telah berada di Perlis dan kita dapat pula merasai masakan tradisional mereka. Jadi anggaplah bahawa kita telahpun berada di Negara-negara tersebut. Alhamdulillah.

**Hadirin sekalian,**

**KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG**

9. Bulan Ogos untuk Malaysia adalah satu bulan yang menyimpan makna yang cukup besar. Hal ini kerana pada detik 12 tengah malam (30 Ogos 1957) bendera Union Jack diturunkan di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad dan diganti dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu tanda negara mencapai kemerdekaan. Pada 31 Ogos 1957, pengisytiharan kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.
10. Antara perkara paling penting yang dapat dijadikan teladan serta dihayati di akhir perjuangan kemerdekaan ini adalah wujudnya persefahaman di antara tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India. Persefahaman inilah yang mendorong kepercayaan British untuk memerdekakan Tanah Melayu. Hal ini kerana persefahamanlah yang menjadi resepi utama perpaduan di kalangan penduduk di Malaysia dan diyakini mampu menjadi sebuah Negara yang aman dan sentosa.  
Semoga persefahaman ini berkekalan dan perpaduan terus mekar bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan Malaysia.
11. Sebagai rakyat Malaysia, kita sepatutnya berasa syukur dengan kurniaan Ilahi kerana masih dapat menikmati kehidupan yang aman dan bahagia bersama-sama keluarga dan sahabat handai kita. Sebagai tanda menghargai kemerdekaan yang kita nikmati selama ini, pada malam ini juga akan diadakan Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat UniMAP bersempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Malaysia yang ke – 57.
12. Saya berharap dan menyeru semua warga UniMAP dan seluruh masyarakat Perlis untuk sama-sama mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda sokongan dan menghargai kemerdekaan yang kita nikmati selama ini. Semoga ianya berkekalan sehingga ke akhirnya. InsyaAllah.

**Hadirin sekalian,**

**PENUTUP**

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya berharap melalui program yang dianjurkan oleh UniMAP ini akan dapat mengeratkan silaturrahim sesama kita. Saya percaya keakraban inilah yang akan menjamin sikap toleransi sesama kita sekaligus dapat mengekalkan keamanan yang kita nikmati selama ini. Doa saya dan seluruh warga UniMAP agar rakyat Malaysia umumnya dan negeri Perlis khasnya akan sentiasa bersikap bijak dalam menilai setiap permasalahan serta mampu mengekalkan keamanan ini selagi mana bumi ini masih berputar. InsyaAllah.
  
14. Selamat menjamu selera kepada semua yang hadir dan semoga Syawal 1435H ini akan memberikan kemeriahan yang berpanjangan buat kita semua.

Ampun Tuanku,

15. Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi ke bawah Duli Duli Tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat hadir ke **Majlis Sambutan Aidilfitri@UniMAP dan International Food Festival 2014** ini.
  
16. Patik sudahi dengan Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.